



Utusan Pengerusi

**Y.A.M. TENGKU SYARIF BENDAHARA PERLIS SYED BADARUDIN
JAMALULLAIL IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL**
Pengerusi

Para Pemegang Saham dan Pemegang Berkepentingan yang Dihargai,

Tahun kewangan 2022 yang baru berakhir memiliki kedua-dua kebaikan dan juga keburukan. Perlindungan daripada COVID-19 menerusi pemvaksinan memberi kelegaan minda dan emosi apabila orang ramai dapat meneruskan semula aktiviti sosial masing-masing. Namun demikian, pemulihan ekonomi masih perlahan disebabkan kadar pengeluaran yang rendah tidak dapat menampung pemulihan permintaan. Inflasi menjadi pandemik baharu kita apabila keadaan ini meningkatkan kos sara hidup. Kilang kami di Shah Alam juga turut terjejas akibat banjir besar pada bulan Disember 2021. Walau bagaimanapun, tindakan pantas dan semangat kerja berpasukan yang cemerlang menyaksikan para pekerja kita selamat dan kerosakan fizikal serta gangguan pengeluaran dapat dikurangkan dengan ketara.

Walaupun berdepan dengan banjir dan kenaikan kos, Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB) terus menunjukkan ketahanan dan dapat melaksanakan strategi perniagaan yang digariskan di bawah program 'Membayangkan Semula' (Reimagine) kami.

Sebagai langkah utama, kami akan mengukuhkan segmen perniagaan keempat - Makanan Bungkusan Halal - melalui pembelian Coccoland Holdings Bhd dan meneroka industri tenusu hulu dengan pembelian tanah ladang tenusu.

Dalam mengembangkan perniagaan kami dan membayangkan semula cara pengendalian yang lebih baik, saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa kami tetap meneruskan nilai-nilai global iaitu Kolaborasi, Pembentukan Nilai dan Prihatin terhadap Pemegang Berkepentingan. Nilai-nilai ini membentuk asas dan memberikan kami ketahanan yang menyaksikan F&NHB berjaya mengatasi pelbagai cabaran sepanjang sejarah penubuhan kami. Berikut saya mahu menonjolkan beberapa cara bagaimana kami terus mencipta nilai sepanjang tahun 2022.

MELAKSANAKAN NILAI-NILAI GLOBAL KAMI

Sikap prihatin kami terserlah semasa banjir yang menyaksikan lebih 22,000 orang penduduk Malaysia terpaksa dipindahkan dari kediaman masing-masing. Bagi memainkan peranan kami dalam usaha bantuan, kami telah menyumbang air minuman F&N Ice Mountain, 100PLUS dan susu tin ke kawasan yang terjejas melalui pertubuhan bukan keuntungan seperti Persatuan Bulan Sabit Merah dan Asia Crisis Response Alliance. Kami turut mengagihkan sumbangan berjumlah RM400,000 dalam bentuk dana bantuan bencana kepada 224 orang pekerja yang terjejas.

Para pekerja kami pula telah menunjukkan semangat perpaduan yang kukuh untuk menjaga kebajikan satu sama lain dan juga aset kami. Sebagai tanda penghargaan kepada semua yang telah sanggup berkorban, pihak Lembaga telah menyampaikan Anugerah Khas Pengerusi bagi Pemulihan Banjir kepada 12 orang individu, tiga buah pasukan dan dua orang pemimpin contoh. Saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada semua orang yang terlibat dalam usaha yang mencabar ini. Menerusi dedikasi dan kerja berpasukan yang dipamerkan, kami boleh mencapai apa sahaja yang diusahakan.

Selama bertahun-tahun, kami telah melabur ke dalam portfolio yang lebih sihat dan dalam TK2022, kami terus memperkenalkan produk baharu yang sama ada mengandungi kurang gula atau mempunyai nilai pemakanan tambahan. Dengan penambahan ini, lebih separuh daripada produk kami hari ini disahkan dengan logo Pilihan Lebih Sihat, dan kami menyasarkan untuk meningkatkan jumlah itu kepada dua pertiga menjelang tahun 2025. Untuk tujuan ini, kami telah melabur sebanyak RM148 juta untuk membina kilang susu cair dan minuman berasaskan tumbuhan di Wang Muang, Negara Thai dan melengkapkan kilang Pulau Indah kami dengan keupayaan berasaskan tumbuhan. Ini merupakan anjakan strategik untuk mengembangkan jenama kami dalam segmen susu cair.

Kami juga terus memperjuangkan kepentingan berkembar iaitu kekal aktif dan kekal terhidrat bagi menggalakkan kesihatan yang baik. Sempena Hari Hidrasi Sedunia, kami telah memulakan karnival selama empat hari yang dinamakan Hari Hidrasi Sedunia

100PLUS, di mana lebih 100,000 rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti fizikal dan menikmati manfaat penghidratan yang unggul daripada 100PLUS.

Untuk mempromosikan industri Halal dan membina kapasiti PKS, kami bekerjasama dengan Halal Development Corporation Berhad (HDC) untuk melancarkan Program Perkongsian Penyumburan Halal yang bertujuan untuk meningkatkan dan memindahkan pengetahuan kepada perusahaan kecil dan sederhana. Saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa kami telah berjaya membawa masuk salah seorang peserta program sebagai pembekal ramuan kami dan berharap dapat menambah bilangan pembekal pada masa akan datang. Pada tahun 2022, F&NHB turut menyertai forum perkongsian pengetahuan tentang topik berkaitan Halal dan kelestarian. Antaranya termasuklah Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) ke-18 dan Persidangan Perniagaan Halal Dunia Australia 2022.



KEUNTUNGAN
SEBELUM CUKAI

RM454.1
juta



PEROLEHAN
ASAS SESAHAM

104.5 sen

DIVIDEN
TAHUNAN

60 sen
sesaham*

* Termasuk cadangan
dividen sebanyak 33.0 sen,
yang hanya akan diiktiraf
dalam penyata kewangan
selepas kelulusan oleh para
pemegang saham.

Utusan Pengerusi

Dengan tumpuan terhadap kesejahteraan para pekerja, kami memberi peluang kepada kakitangan kami untuk menerima vaksin penggalak COVID-19 yang kedua mereka di kilang-kilang kami. Kami juga mengadakan Bulan Alam Sekitar, Kesihatan & Keselamatan, di mana para pakar menyampaikan ceramah kesihatan dan pengurusan sisa. Sementara itu, untuk membolehkan keseimbangan antara kerja dan kehidupan yang lebih baik, kami mengekalkan pendekatan kerja hibrid berkeupayaan teknologi yang kami amalkan semasa pandemik. Bagi kami, fleksibiliti yang ditawarkan akan memberi manfaat kepada para pekerja kami, serta menarik minat bakat baharu.

Tidak lupa juga kami akan terus menggalakkan kecemerlangan dalam pembelajaran dan aktiviti luar pembelajaran dalam kalangan anak-anak pekerja kami melalui Anugerah Pengerusi. Pada tahun 2022, kami menyampaikan ganjaran wang tunai berjumlah RM218,000 kepada 68 orang pelajar menengah dan pengajian tinggi yang mencapai keputusan cemerlang.

Seterusnya saya dengan sukacita dan berbesar hati memaklumkan bahawa walaupun berdepan pandemik selama dua tahun setengah serta cabaran yang berterusan, F&NHB telah dapat mengekalkan dividen kami. Untuk tahun keempat berturut-turut, kami menawarkan dividen tahap satu interim sebanyak 27.0 sen sesaham (berjumlah RM99.0 juta) dan mencadangkan dividen akhir sebanyak 33.0 sen sesaham (berjumlah RM121.0 juta). Seterusnya saya berharap dapat bertemu semula dengan para pemegang saham kami secara peribadi semasa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) kami pada bulan Januari 2023 selepas dua tahun mengadakan AGM secara maya.

TERAS KELESTARIAN

Di F&NHB, kami membina keupayaan dan kapasiti kami untuk mengukuhkan platform kelestarian kami melalui tadbir urus yang teguh, akauntabiliti dan latihan. Jawatankuasa Kelestarian & Pengurusan Risiko ("Sustainability & Risk Management Committee", SRMC) Lembaga menyelia inisiatif kelestarian F&NHB, manakala semua pekerja dijangka memainkan peranan mereka kerana petunjuk prestasi utama (KPI) berkaitan kelestarian dikaitkan dengan semakan prestasi mereka.

Empat program latihan telah diatitkan untuk para pengarah dan pengurusan kanan kami pada tahun ini untuk meningkatkan pengetahuan keseluruhan tentang hal-hal berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus ("environmental, social and governance", ESG). Pada masa yang sama, 89 peratus daripada pekerja kami telah menjalani sejumlah 19,300 jam latihan berkaitan ESG. Latihan merangkumi topik yang semakin diutamakan oleh pihak berkepentingan kami, seperti Hak Asasi Manusia, Keselamatan Siber, Perubahan Iklim dan Biodiversiti.

Perubahan iklim tentunya menjadi salah satu isu kelestarian kami yang paling mendesak dan menjadi sebahagian besar daripada jumlah pelaburan ESG kami. Pada bulan Februari, kami telah menyelesaikan pemasangan panel solar di kilang baharu kami di Wang Muang, Negara Thai. Susulan itu, sistem solar fotovoltaik (PV) di tiga buah kilang di Malaysia telah mula menjana tenaga boleh diperbaharui secara berperingkat sejak bulan Ogos tahun ini.



Bagi menekankan lagi komitmen kami terhadap pengurangan perubahan iklim, kami menjalankan Penilaian Risiko dan Peluang Iklim pertama kami pada tahun ini apabila kami mula menjajarkan pendedahan berkaitan iklim kami dengan cadangan Pendedahan Kewangan berkaitan Iklim (TCFD) dalam laporan kelestarian kami.

TCFD TASK FORCE ON CLIMATE-RELATED FINANCIAL DISCLOSURES

“ Kami juga telah mencapai kemajuan dalam matlamat kelestarian kami yang digariskan tahun lepas. Kami berada di landasan yang betul dengan tujuh daripada 12 sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2025 dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bertujuan mempercepatkan prestasi kami dalam lima bidang yang lain. ”



PENGIKTIRAFAN DAN PENARAFAN

Hasil daripada peningkatan tumpuan terhadap kelestarian, kami berjaya meningkatkan markah keseluruhan dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan Indeks Syariah FTSE4Good Bursa Malaysia daripada 4.1 pada 2021 kepada 4.4, melonjakkan kedudukan kami kepada peratusan ke-97. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan tumpuan terhadap hak asasi manusia, dan pendedahan yang lebih kukuh berdasarkan Pelaksanaan Usaha Wajar Hak Asasi Manusia kami.

F&NHB juga dipilih sebagai Syarikat Berprestasi Terbaik dalam sektor Produk & Perkhidmatan Pengguna, dan 3 Prestasi Teratas di ASEAN pada Anugerah ESG The Edge 2022 yang julung kali diadakan dengan kerjasama Bursa Malaysia Berhad dan FTSE Russel. Selain itu, kami adalah salah sebuah daripada 10 syarikat teratas dalam Industri Minuman dalam Penilaian Kelestarian Korporat Global (CSA) S&P 2022 yang mencapai skor 71 (daripada 100) dan kedudukan dalam peratusan ke-94 daripada 89 buah syarikat minuman yang dinilai di seluruh dunia.

Sementara itu, operasi kami di Negara Thai telah memenangi Anugerah Industri Perdana Menteri dalam kategori Pengurusan Kualiti; dan Laporan Kelestarian 2020 kami menerima anugerah tertinggi - Platinum - dalam Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2021 untuk Pelaporan Terbaik. Kami juga menerima pengiktirafan kerana menyumbang kepada industri Halal dengan memenangi Anugerah Pencapaian Halal Terbaik pada Anugerah MIHAS 2022 baru-baru ini.

Dalam bidang modal insan, F&NHB menerima anugerah Gangsa bagi Kecemerlangan dalam Strategi Komunikasi Sumber Manusia di Anugerah Kecemerlangan Sumber Manusia 2022 Malaysia. Kami juga dinobatkan sebagai salah satu Jenama Majikan Terbaik Malaysia 2022 oleh Kongres HRD Dunia dan Institut Penjenamaan Majikan.

Anugerah yang diterima ini bukan sahaja menjadi bukti kualiti sistem dan proses kami tetapi juga komitmen kami terhadap kecemerlangan. Pengiktirafan yang diperoleh membantu kami menyampaikan komitmen ini kepada pihak berkepentingan kami dan mengenal pasti kekuatan dan peluang untuk penambahbaikan selanjutnya.



PENGHARGAAN

Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada para pemegang kepentingan kami atas pelbagai kejayaan yang terus dicapai oleh F&NHB walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar. Senarai ini termasuk para pengguna, pelanggan, rakan kongsi perniagaan, pemegang saham, pekerja dan pengarah kami - yang kesemuanya memainkan peranan yang berbeza namun sama pentingnya dalam membolehkan F&NHB mencapai objektif perniagaan kami secara lestari.

Komitmen yang ditunjukkan oleh para pekerja kami sangat mengharukan, dan saya pasti semangat kerja berpasukan yang sama dapat diteruskan oleh rakan sekerja baharu kami dari Cocoland. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya juga mengucapkan selamat datang kepada ahli baharu dalam keluarga F&NHB.

Di peringkat Lembaga Pengarah, kami mengucapkan selamat tinggal kepada Encik Lee Meng Tat, yang telah bersara daripada jawatan beliau sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 10 Jun 2022, selepas lebih enam setengah tahun dalam Lembaga Pengarah; dan Dato' Jorgen Bornhott yang akan bersara selepas Mesyuarat Agung Tahunan. Beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif selama sembilan tahun lapan bulan.

Saya juga mahu merakamkan penghargaan kami atas sumbangan yang tidak ternilai kepada F&NHB dan mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka.

Sehubungan itu, kami mengucapkan selamat datang kepada Dato' Ng Wan Peng, yang sebelum ini merupakan pengarah alternatif kepada Dato' Sri Johan Tazrin bin Hamid Ngo, sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas sepenuhnya; serta Encik Kosit Suksingha, Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas yang baharu dan pengarah alternatif beliau, Puan Tongjai Thanachanan.

Encik Kosit Suksingha memegang pelbagai jawatan kepimpinan dalam Kumpulan Syarikat Thai Beverage dan merupakan pengarah nomini Fraser and Neave, Limited (FNL). Puan Tongjai Thanachanan merupakan Naib Presiden Kanan Ketua Pembangunan Perniagaan Lestari di Thai Beverage. Ketiga-tiga mereka membawa pengalaman korporat yang bernilai yang akan menyumbang kepada pertumbuhan dan penghasilan nilai F&NHB yang berterusan.

Kami kini mempunyai empat orang wanita sebagai Pengarah daripada 11 orang. Bilangan ini melebihi syarat 30 peratus mengikut Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Kepelbagaian lembaga pengarah adalah sesuatu yang kami akan kekalkan dalam membina kelestarian F&NHB sebagai sebuah organisasi.



MEMASUKI ERA BARU

Sempena ulang tahun ke-140, syarikat memiliki pelbagai sejarah untuk diraikan. Namun apa yang lebih penting, kami mahu menjadikan sambutan ulang tahun ini sebagai sambutan untuk masa akan datang.

Dalam kita melangkah keluar dari tempoh pandemik, kita akan memasuki era baharu bagi F&NHB selepas selesainya pembelian Cocoland dan tanah ladang tenusu. Sektor susu hulu dan sektor makanan Halal berpotensi besar untuk pertumbuhan apabila pengguna semakin sedar dan memilih apa yang digunakan oleh mereka. Saya yakin pembangunan dua segmen perniagaan yang baharu ini akan dapat membawa lebih banyak peluang kepada para pelanggan, pekerja serta untuk kami dan membolehkan penghasilan nilai untuk semua.

**Y.A.M. TENGKU SYARIF BENDAHARA PERLIS
SYED BADARUDIN JAMALULLAIL
IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL**
Pengerusi